

Pilihan raya pelajar UMS 2003 sengit

Oleh Mohd Farish Hussain

KOTA KINABALU: Majlis Perwakilan Pelajar (PP) dan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa Kolej Kediaman Universiti Malaysia Sabah (Jakmas), hari ini bakal menyaksikan proses pilihan raya lebih hangat berbanding pada tahun-tahun lepas.

Lewat tahun 2003 ini, MPP dan Jakmas sesi 2002/2003 memberi laluan kepada seramai 148 calon yang diadakan di dua lokasi iaitu di dewan kuliahan pusat UMS dan dewan serbaguna UMS kampus antarabangsa Labuan.

Pilihan raya pelajar kali ke-7 sejak UMS ditubuhkan lewat tahun 1994 dan

di kawasan Umum pada 2003 ini sebanyak sembilan kerusi menjadi rebutan seramai 31 calon menurut pengurus pilihan raya itu Prof. Datuk Dr Mohd Noh Dalimin ketika ditemui di UMS, Kota Kinabalu kelmarin.

Beritahuanya, antara kerusi yang hangat dipertandingkan ialah kawasan umum, kolej kediaman termasuk sekolah.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini pilihan raya itu hanya menyaksikan pertandingan tiga penjuru di tiga kawasan yang antaranya Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat.

Manakala pertandingan lima penjuru merebut kerusi Sekolah Perniagaan

dan Kewangan Antarabangsa Labuan yang akan menyaksikan pertandingan enam penjuru bagi merebut tiga kerusi.

Sementara Sekolah Sains Informatik Labuan turut menyaksikan pertandingan dua penjuru bagi merebut satu kerusi.

Manakala sekolah-sekolah lain calonnya telah menang tanpa bertanding. Bagi kerusi Jakmas pula menyaksikan hanya lima kolej kediaman sahaja yang akan mempunyai pertandingan manakala tujuh kolej yang lain calonnya telah menang tanpa bertanding.

Mohd Noh Dalimin yang juga Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) berharap semua pelajar UMS sama ada di kampus Kota Kinabalu dan kampus di Wilayah Persekutuan Labuan untuk turun beramai-ramai pada 9 Januari 2003 mulai jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang untuk menunaikan kewajiban masing-masing bagi memilih calon yang mereka fikirkan layak sebagai wakil mereka di kedua-dua kampus.

Pada pilihan raya sesi 2001/2002 yang lalu, peratus pelajar UMS yang turun membungkus undi adalah sebanyak 87 peratus dan hanya merupakan peratus yang kedua tinggi di kalangan Institusi Pengajian Tinggi Awam.

UMS kini mempunyai seramai 8,352 pelajar prasiswazah yang berdaftar di kampus Kota Kinabalu dan juga di kampus cawangan di Labuan.